

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL
[KUALA KEDAH]**

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat manakah Raja-Raja Melayu dan Kerabat DiRaja dikecualikan daripada pendakwaan atau tindakan undang-undang, sama ada sivil atau jenayah.

JAWAPAN: PUAN HAJAH NANCY SHUKRI

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Fasal (2) Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan, prosiding terhadap seseorang Raja atas sifat peribadinya boleh dibawa di Mahkamah Khas. Penubuhan Mahkamah Khas adalah di bawah Bahagian XV Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan Fasal (3) Perkara 182 Perlembagaan Persekutuan, Mahkamah Khas mempunyai bidang kuasa khusus untuk membicarakan segala kesalahan yang dilakukan di dalam Persekutuan oleh Yang di-Pertuan Agong atau Raja sesuatu Negeri dan segala kes sivil oleh atau terhadap Yang di-Pertuan Agong atau Raja sesuatu negeri walau di mana-mana pun kausa tindakan itu berbangkit.

2. Selain daripada itu, Perkara 183 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan tindakan sivil atau jenayah terhadap Yang di-Pertuan Agong atau Raja sesuatu negeri hanya boleh dimulakan dengan keizinan Peguam Negara. Sehubungan dengan itu, pendakwaan atau tindakan undang-undang sama ada sivil atau jenayah terhadap Raja-Raja Melayu boleh dimulakan di Mahkamah Khas tertakluk kepada keizinan Peguam Negara.

3. Berhubung dengan kerabat diraja, tafsiran Raja di bawah Perlembagaan Persekutuan tidak termasuk kerabat diraja. Walaupun terdapat Perlembagaan Negeri yang mentafsirkan perkataan "Sultan"/ "Raja"/ "Duli Yang Maha Mulia" sebagai termasuk "Pengganti"/ "Waris Ganti"/ "Pemangku Raja"/ "Ganti" (sebagai contoh Negeri Selangor,

Kelantan, Kedah dan Perak), namun tafsiran tersebut adalah bagi maksud Perlembagaan Negeri itu sahaja dan tidak boleh diguna pakai bagi mentafsirkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

4. Selanjutnya, Mahkamah Persekutuan dalam kes *DYTM Tengku Idris Shah Ibni Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah v Dikim Holdings Sdn Bhd & Anor* [2002] 2 CLJ 57 telah memutuskan bahawa perkataan Raja sesuatu Negeri (*Ruler of a State*) dalam Perkara 182 Perlembagaan Persekutuan tidak bertujuan menggolongkan seseorang yang menjalankan tugas-tugas Raja termasuk Pemangku Raja sebagai Raja.

5. Selain itu, berhubung dengan Negeri Sembilan, walaupun Fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan mentafsirkan Raja sebagai termasuk Pembesar-Pembesar Memerintah mengikut Perlembagaan negeri itu, namun Mahkamah Persekutuan dalam kes *Dato' Menteri Othman Baginda & Anor. v. Dato' Ombi Syed Alwi Syed Idrus* [1981] 1MLJ 29 telah memutuskan bahawa perkataan Raja di bawah Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan tidak termasuk Pembesar Memerintah iaitu Undang; dan

6. Sehubungan dengan itu, peruntukan berhubung dengan Mahkamah Khas di bawah Perlembagaan Persekutuan tidak terpakai bagi kerabat diraja. Oleh itu pendakwaan dan tindakan undang-undang bagi kerabat diraja hendaklah dijalankan di mahkamah umum.

7. Kesimpulannya, berdasarkan peruntukan undang-undang, Raja-Raja Melayu dan kerabat diraja tidak dikecualikan daripada pendakwaan atau tindakan undang-undang, sama ada sivil atau

jenayah. Tindakan undang-undang boleh diambil terhadap Raja-Raja Melayu di Mahkamah Khas dan kerabat diraja di mahkamah umum.

Sekian, terima kasih.